

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Pembelajaran bahasa asing bukanlah merupakan suatu perkara yang baru di dalam zaman globalisasi masa kini. Bagaimanapun dalam proses pemerolehan sesuatu bahasa, pelajar tidak dapat mengelakkan diri daripada membuat kesilapan dalam penggunaan bahasa sasaran tersebut. Kajian ini cuba mengkaji kesilapan bahasa Jepun yang dilakukan oleh pelajar Melayu di Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya. Tumpuan kajian ini adalah ke atas penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif. Kata kerja transitif dan tak transitif dipilih kerana ia merupakan salah satu aspek yang amat sukar untuk dikuasai oleh pelajar-pelajar yang cuba mempelajari bahasa Jepun.

Sebelum 1960an, kesilapan dalam pembelajaran bahasa dianggap sebagai sesuatu yang negatif kerana mengikut teori pembelajaran aliran *Behaviourist*, kesilapan merupakan respons yang salah bagi sesuatu stimulus. Tetapi kini ahli-ahli linguistik mempunyai pandangan yang berbeza. Kesilapan dilihat sebagai suatu hasil proses pembelajaran yang sihat. Seperti yang dinyatakan oleh Pit Corder (1973),

“All learners make mistakes. This is not confined to language learners. We all make mistakes when we are speaking our mother tongue.”

Corder, 1973

Menurut Corder (1973: 256) lagi, bagi seorang pengajar, kesilapan yang dibuat oleh pelajar dapat memberi gambaran yang mendalam serta maklum balas tentang proses pengajaran dan pembelajaran yang telah berlaku. Pengajar dapat mengetahui tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar ketika mempelajari sesuatu bahasa tersebut dan secara langsung memberi petunjuk kepada pengajar tentang keberkesanan teknik pengajarannya.

Kajian tentang analisis kesilapan kata kerja transitif dan tak transitif telah banyak dijalankan di luar negeri. Contohnya, Rin Sei Yi (2002) membuat kajian tentang strategi pembelajaran kata kerja transitif dan tak transitif ke atas 103 orang pelajar Taiwan yang mempelajari bahasa Jepun di Taiwan. Dapatan beliau antara lain menunjukkan bahawa pemerolehan kata kerja transitif dan tak transitif dipengaruhi oleh kemahiran bahasa serta kaedah yang digunakan dalam membezakan kedua-dua kata kerja berkenaan. Juga penguasaan dalam penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif meningkat dengan bertambahnya penguasaan bahasa Jepun.

Kajian Kobayashi Noriko (1994) tentang pembelajaran kata kerja transitif dan tak transitif di kalangan penutur bahasa Sepanyol di Universiti Nuebolion, Mexico menunjukkan bahawa pelajar menghadapi masalah dalam penggunaan kata kerja tak transitif bahasa Jepun. Pelajar didapati lebih cenderung menggunakan kata kerja transitif seperti *akeru* (membuka) dan *suru* (melakukan) daripada menggunakan kata kerja tak transitif seperti *aku* (terbuka) dan *naru* (berlaku) dan sekiranya mereka

terpaksa menggunakan kata kerja tak transitif, pelajar menghadapi kekeliruan ketika menggunakannya dan kerap kali membuat kesilapan dalam penggunaan kata kerja tersebut.

Okazaki Michiko (1997) pula mendapati pelajar dari negara Cina lemah dalam penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif terutamanya dalam kata kerja transitif dan tak transitif yang mempunyai pasangan seperti *sameru* (sejuk), *samasu* (menyejukkan), *okiru* (bangun), *okosu* (mengejutkan), *toru* (mengambil), *toreru* (dapat) dan sebagainya.

Shu (1994) pula menjalankan kajian ke atas 38 orang pelajar tahun 4 yang mengambil pengkhususan dalam bahasa Jepun di Universiti Nanpei, Cina. Subjek dikehendaki membuat terjemahan ke atas ayat yang mengandungi 2,000 huruf Cina ke dalam bahasa Jepun. Analisis taburan kesilapan menunjukkan bahawa kata kerja transitif dan tak transitif menduduki tempat kedua tertinggi dengan kesilapan sebanyak 21.9% berbanding dengan kesilapan dalam penggunaan kala dan aspek yang menunjukkan peratusan paling tinggi iaitu sebanyak 25.4%. Menurut beliau lagi, sejumlah besar kesilapan kata kerja transitif dan tak transitif ini berlaku disebabkan oleh gangguan dari bahasa ibunda (Shu, 1994: 171).

Jelas di sini bahawa kajian analisis kesilapan (EA) dapat menganalisis kesalahan secara terperinci. Juga dapat dilihat bahawa daripada data-data yang diperolehi, jenis-jenis kesalahan dan punca-punca kesilapan dapat dikenal pasti. EA bukan sahaja boleh dijadikan bahan untuk meningkatkan kualiti pengajaran, malah ia merupakan satu cara seseorang pelajar itu menguji hipotesisnya sendiri semasa mempelajari bahasa (Corder, 1981:11). Oleh yang demikian EA adalah berguna dan bermakna kepada pelajar, pengajar dan penyelidik (Corder, 1967). Faktor-faktor yang menyebabkan kesilapan bahasa boleh dijelaskan dari segi faktor interlingual dan intralingual. Mengikut Richards (1974), hanya satu pertiga daripada kesilapan ini disebabkan oleh gangguan dari bahasa ibunda, iaitu gangguan interlingual.

Kajian EA tentang kata kerja transitif dan tak transitif memang sudah banyak dilakukan oleh beberapa pengkaji luar negara. Namun, kajian oleh pengkaji tempatan masih lagi berkurangan. Oleh sebab itu, satu kajian tentang penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif di dalam bahasa Jepun di Malaysia dicadangkan. Adalah diharapkan kajian ini dapat menambahkan dokumentasi dan koleksi penyelidikan bahasa Jepun dalam arena kajian tempatan.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

### **1.2.1 Pengajaran Bahasa Jepun di Malaysia**

Pengajaran Bahasa Jepun mula dilaksanakan secara formal di Malaysia 37 tahun yang lalu apabila ia diperkenalkan buat pertama kalinya di Fakulti Sastera, Universiti Malaya pada tahun 1966. Bagaimanapun pengajaran Bahasa Jepun di Malaysia mula menjadi popular selepas pelancaran Dasar Pandang ke Timur oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pendidikan bahasa Jepun di Malaysia boleh dikategorikan seperti berikut:

#### **(a) Peringkat Sekolah Menengah**

Pengajaran bahasa Jepun yang dijalankan di peringkat sekolah menengah hanya terhad kepada Sekolah Berasrama Penuh (SBP) sahaja. Bahasa Jepun diperkenalkan di sekolah-sekolah tersebut pada tahun 1984 bermula dengan 6 buah sekolah dan kini 38 buah sekolah daripada 54 buah SBP menawarkan mata pelajaran ini sebagai bahasa ketiga (Kementerian Pendidikan, 2004). Pada peringkat permulaan, pengajaran bahasa Jepun dijalankan oleh guru-guru natif Jepun sehinggalah Malaysia menghasilkan guru-guru bahasa Jepunnya sendiri iaitu pada tahun 2000 dan kini keseluruhan pengajaran bahasa Jepun di SBP dijalankan dengan sepenuhnya oleh guru-guru tempatan.

Pelajar-pelajar di SBP mempelajari mata pelajaran ini 2 jam seminggu selama 4 tahun menjadikan jumlah bilangan waktu keseluruhan 240 jam. Buku teks yang

ligunakan adalah buku yang dihasilkan oleh guru-guru SBP sendiri dan penilaian dibuat di akhir tahun empat. Sehingga tahun 2001, kertas soalan penilaian bahasa Jepun disediakan oleh Fakulti Bahasa, Universiti Malaya tetapi kini Kementerian Pendidikan dengan usahasama Yayasan Jepun telah mengambillah tugas tersebut.

b) Peringkat Institusi Pengajian Tinggi

Bagi kursus-kursus yang dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi, pada masa ini terdapat 11 buah universiti yang menawarkan Bahasa Jepun sama ada sebagai mata pelajaran major, major kedua ataupun sebagai mata pelajaran elektif. Maklumat ringkas tentang kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

**JADUAL 1: Kursus bahasa Jepun di IPT**

Bil.	Jenis Kursus	Universiti	Waktu/ Seminggu	Jumlah Bil. Waktu
1.	Major	UM	16	672
2.	Major kedua	UMS	5-6	476
		USM	3	420
		UKM	2	392
3.	Mata pelajaran wajib	UM	2	56
4.	Mata pelajaran elektif wajib	UiTM	2	180
		UPM	4	200
		UMJ	6	444
		UNIMAS	2	64
		UMS	3	168
		UUM	3	114
		UMM	3	126
UTM	3	45		
5.	Mata pelajaran pilihan	UM	2	336
		USM	2	224
		UKM	4	280
		UTM	2	60
6.	Mata pelajaran am	UM	2	336

(Yayasan Jepun, Kuala Lumpur, 2000)

c) Peringkat Kursus Persediaan (ke Jepun)

Kursus persediaan adalah merupakan kursus yang dijalankan untuk pelajar-elajar yang bakal melanjutkan pelajaran ke Jepun. Pada masa kini, terdapat lima pusat yang menjalankan kursus ini iaitu:

- (i) Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya, KL
- (ii) Pusat Persediaan Kajian Teknikal ke Jepun, UTM, KL
- (iii) Asian Youth Fellowship, KL
- (iv) Japanese Associate Degree Program, Yayasan Pelajaran MARA, KL
- (v) Institut Bahasa Teikyou, KL

d) Badan-badan bebas

Di Malaysia terdapat beberapa badan bebas yang mengajar bahasa Jepun. Badan-badan tersebut seperti The Language House dan lain-lain lagi terletak di sekitar Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Terdapat juga Persatuan Bahasa Jepun yang mempunyai pusat-pusatnya di Pulau Pinang, Perak dan Kuala Lumpur. Disamping menawarkan kursus-kursus bahasa Jepun peringkat asas, pusat-pusat ini juga menjadi empat calon-calon menduduki Peperiksaan Kecekapan Bahasa Jepun (Japanese Language Proficiency Test).

Selain daripada itu, pengajaran bahasa Jepun juga dijalankan di institusi-institusi seperti Yayasan Jepun, INTAN, JICA, AOTS dan lain-lain lagi.

### 1.2.2 Latar Belakang Bahasa yang dikaji

Bahasa Jepun merupakan bahasa yang ke 8 paling popular di dunia dengan bilangan penutur seramai lebih dari 126 juta orang. Daripada jumlah ini, 124 juta menetap di Jepun (Ethnologue, 13<sup>th</sup> edition, 1999). Bahasa Jepun dipercayai mempunyai kaitan dengan rumpun Ural-Altai, termasuk bahasa Turki, Mongol, Manchu dan Korea (Ohno, 1970). Di antara bahasa-bahasa ini, bahasa Korea sentiasa menjadi perbandingan kerana ia memiliki struktur tatabahasa yang hampir sama dengan bahasa Jepun. Bagaimanapun sebutan bahasa Jepun berbeza sama sekali dengan sebutan bahasa Korea.

Pada abad ke 6, elemen budaya negara Cina memasuki Jepun hasil daripada hubungan diplomatik dan agama di antara kedua-dua negara tersebut. Akibatnya pengaruh bahasa Cina menular ke dalam bahasa Jepun dan kini hampir 40% kosa kata bahasa Jepun merupakan perkataan yang diadaptasikan daripada bahasa Cina.

Bahasa Jepun juga merupakan satu-satunya bahasa yang menggunakan tiga jenis bentuk huruf iaitu Hiragana, Katakana dan Kanji. Hiragana digunakan untuk menulis partikel, kata hubung dan adverba manakala Katakana pula digunakan untuk menulis kata pinjaman dari bahasa asing. Kanji pula merupakan tulisan yang dipinjam daripada bahasa Cina dan penggunaannya merangkumi kata kerja, kata sifat dan kata nama.



Setiap bahasa mempunyai sistemnya yang tersendiri. Dalam bahasa Jepun, susunan ayat adalah dalam bentuk SOV iaitu (S=Subjek, O=Objek dan V=Kata kerja). Berbanding dengan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, bahasa Jepun bukan sahaja mempunyai konjugasi bagi kata kerja malah juga bagi kata adjektif.

Kini banyak konsep baru telah diperkenalkan dalam bahasa Jepun. Ini dapat dilihat dalam penggunaan kata pinjaman secara berleluasa terutama sekali kosakata yang dipinjam daripada bahasa Inggeris dan bahasa Eropah yang lain.

### **.3 Pernyataan Masalah**

Pembelajaran bahasa asing memerlukan usaha meningkatkan pengetahuan tentang sistem tatabahasa bahasa tersebut. Apabila mempelajari tatabahasa sesuatu bahasa, pelajar tidak dapat mengelakkan diri daripada mempelajari sistem kata kerja yang terdapat dalam bahasa tersebut kerana setiap bahasa memiliki sistemnya sendiri. Ada bahasa yang mempunyai sistem yang mudah manakala ada bahasa pula mempunyai sistem yang lebih sukar untuk dikuasai. Walau bagaimanapun, mudah atau sukar, kata kerja merupakan salah satu aspek yang sentiasa menjadi isu pengajaran dan pembelajaran di kalangan pengajar dan pelajar bahasa, seperti yang dinyatakan oleh C. Kendris dalam kamus Perancis dan Sepanyolnya,

“Verbs have always been a major problem for students  
no matter what system or approach the teacher uses”

(Kendris, 1963: vii)

Dalam hal ini bahasa Jepun tidak terkecuali. Oleh yang demikian, difikirkan agar bagi kajian ini menumpu ke atas kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun. Melalui pemerhatian didapati pelajar-pelajar bahasa Jepun sering membuat kesilapan dalam penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif, seperti contoh di bawah.

- (a) *Tamago ga wareru.* (Telur pecah) (betul)  
(b) *Tamago ga waru.* (salah)

Contoh (b) adalah di antara kesilapan yang sering berlaku. Pelajar menghadapi masalah untuk membezakan yang mana kata kerja transitif dan yang mana kata kerja tak transitif (Penerangan terperinci tentang kata kerja transitif dan tak transitif akan dibincangkan dalam bab 2).

Dapatan daripada analisis kesilapan dalam kajian ini dapat menguji hipotesis A. EA mengenal pasti kesilapan dan ini sejajar dengan hipotesis versi lemah dalam analisis kontrastif (CA) yang mencari punca kesilapan. Richards (1974) berpendapat bahawa punca kesilapan dalam analisis kesilapan ini berkait rapat dengan faktor interlingual dan intralingual.

Faktor interlingual berpunca daripada gangguan bahasa ibunda pelajar dalam bahasa sasaran iaitu hipotesis versi kuat atau dikenali sebagai hipotesis 'a priori'. Faktor intralingual pula berpunca daripada bahasa sasaran yang dipelajari oleh pelajar

ersebut.

Kajian ini akan cuba mencari sebab berlakunya kesilapan dengan menggunakan kaedah EA dan CA. Kajian ini mendasarkan teori nahu Teramura Hideo (1975) untuk menerangkan subjek kajian, iaitu kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Tujuan umum kajian ini ialah untuk meneliti permasalahan yang timbul berkaitan dengan penguasaan kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun di kalangan pelajar Melayu yang sedang menuntut di Ambang Asuhan Jepun, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya.

Kajian pembelajaran bahasa Jepun oleh pelajar yang berbahasa ibundakan bahasa Melayu masih lagi berkurangan dan oleh itu kajian-kajian seumpama ini perlu diperbanyakkan lagi. Seajar dengan itu, di antara objektif kajian ini adalah untuk:

- (a) mengenal pasti kesilapan penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun dalam penulisan pelajar.
- (b) mengklasifikasikan kesilapan tersebut dengan sistematik.
- (c) mencari punca-punca yang menyebabkan berlakunya kesilapan-kesilapan tersebut.
- (d) menggunakan dapatan daripada analisis kesilapan ini untuk mendapatkan cara-cara untuk mengatasi masalah dalam penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Dapatan daripada kajian ini dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran dari segi perspektif pengajar dan perspektif pelajar. Melalui kajian ini pengajar dapat mengenal pasti punca-punca berlakunya kesilapan dalam penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif dan seterusnya membina strategi mengajar yang lebih efektif. Seperti contohnya pengajar dapat merangka dan menyediakan bahan pengajaran, latihan dan bahan rujukan yang bersesuaian. Secara langsung, hasil daripada teknik pengajaran yang efektif ini, pelajar dapat menguasai penggunaan kata kerja tersebut dengan lebih mudah.

Kajian ini juga berguna kepada pengajar yang baru menceburkan diri dalam bidang pengajaran bahasa Jepun dan juga kepada penyelidik bahasa, terutamanya dalam bahasa menambah maklumat dan pengetahuan tentang kata kerja dalam bahasa Jepun.

## **1.6 Metodologi**

Dalam kajian ini seramai 40 pelajar tahun 2 yang sedang mengikuti kursus persediaan di Ambang Asuhan Jepun dipilih sebagai sampel kajian. 40 soalan yang hanya berkaitan dengan subjek kajian iaitu kata kerja transitif dan tak transitif akan diberikan. Soalan-soalan tersebut adalah berbentuk objektif. (Keterangan terperinci diberi dalam Bab 3). Nahu Teramura (1975) dirujuk bagi menerangkan subjek kajian ini. Analisis data dilakukan berdasarkan prosedur bagi EA. (Keterangan terperinci diberi dalam Bab 3).

## **.7 Batasan Kajian**

Tumpuan utama kajian diberi ke atas penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif. Tumpuan juga diberi kepada kata kerja kumpulan 1 (*godan doushi*) dan kata kerja kumpulan 2 (*ichidan doushi*). Kata kerja kumpulan 3 iaitu *suru* dan *kuru* tidak kan disentuh dalam kajian ini.

Data yang terkumpul terhad kepada data bentuk penulisan sahaja dan tidak melibatkan bentuk pertuturan.

## **.8 Penutup**

Sebagai pengenalan, latar belakang tentang pengajaran bahasa Jepun di Malaysia dan latar belakang bahasa Jepun dikemukakan secara ringkas dalam bab ini. Selain daripada itu, beberapa kajian lepas mengenai analisis kesilapan kata kerja transitif dan tak transitif juga dibincangkan. Pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian dan akhir sekali batasan kajian turut dibincangkan.